



SIARAN MEDIA

AREC 2026 HIMPUNKAN PEMIMPIN SERANTAU, TOKOH INDUSTRI, PACU MASA DEPAN HARTANAH BERPAKSIKAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 31 JULAI 2026 - Hari kedua penganjuran ASEAN Real Estate Conference (AREC) 2026 menghimpunkan pemimpin serantau, pembuat dasar, tokoh industri serta pakar hartanah dari dalam dan luar negara, pada sesi forum yang berlangsung pagi ini.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming, Forum AREC **mengetengahkan hala tuju sektor hartanah negara, memacu masa depan industri yang lebih mampan, inklusif serta berteraskan kesejahteraan rakyat.**

"Forum ini memainkan peranan penting dalam merangka penyelesaian yang berkesan terhadap cabaran sektor perumahan, sekali gus memastikan setiap rakyat mempunyai akses kepada perumahan yang berkualiti, mampu dimiliki dan mampan."

"Melalui kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta serta rakan serantau, kita mampu membentuk ekosistem hartanah ASEAN yang lebih berdaya tahan, inklusif dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan," kata beliau.

Berlangsung di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), forum berprestij ini menjadi platform strategik bagi memperkukuh kerjasama serantau dalam membentuk ekosistem perumahan yang lebih berdaya tahan, berdaya saing dan memenuhi keperluan rakyat pada masa hadapan.

Forum tersebut turut menampilkan Tuan Yang Terutama Ni Hong, Menteri Perumahan dan Pembangunan Bandar-Luar Bandar Republik Rakyat China; serta Dato' Seri Azmir Merican, Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Operasi Sime Darby Property. Sesi forum dikendalikan oleh Dato' Seri TPr. Dr. Maimunah Mohd Sharif, Penasihat Kerajaan Malaysia bagi Pembangunan Bandar Mampan.

Bertemakan "**Rethinking Real Estate: Housing with Hearts**", forum ini memberi tumpuan kepada **tiga agenda utama** iaitu memajukan perumahan inklusif dan mampan, membina komuniti berpaksikan rakyat serta memperkukuh peranan sektor swasta dalam mewujudkan komuniti yang lestari.

Perbincangan sepanjang forum mencapai kesepakatan bahawa masa depan sektor perumahan perlu dipacu melalui dasar yang progresif, penggunaan teknologi dan inovasi, pengukuhan kerjasama awam-swasta serta pembangunan komuniti yang lebih inklusif.

Para panel turut menekankan kepentingan perkongsian amalan terbaik dan kerjasama rentas sempadan bagi mempercepat penyediaan perumahan yang berkualiti, mampu dimiliki dan mampan demi kesejahteraan rakyat di rantau ini.

Pengalaman Republik Rakyat China dalam pembangunan komuniti serta peranan sektor swasta sebagai pemacu inovasi, pelaburan dan teknologi turut dikongsikan sebagai amalan terbaik yang boleh dimanfaatkan di peringkat serantau.

"KPKT kekal komited untuk memperkukuh kerjasama bersama negara-negara ASEAN serta rakan strategik antarabangsa dalam memperkasa agenda perumahan mampan, memperluas inovasi serta merangka dasar yang lebih responsif demi memastikan pembangunan hartanah terus berpaksikan kesejahteraan rakyat," ujar beliau.

Untuk maklumat lanjut dan penyertaan, sila layari:

- Forum : <https://www.kpkt.gov.my>
- Pameran : <https://archidex.com.my/>
- Pertanyaan : arec.2026@kpkt.gov.my

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh :
Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my

